

# PENGALAMAN PELAKSANAAN MAJLIS SULH DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR (JAKESS)<sup>1</sup>

Oleh : Tuan Drs. Atras bin Mohamad Zin<sup>2</sup>

## 1. PENGENALAN

Penyelesaian konflik antara dua pihak bertikai amat digalakkan untuk diselesaikan secara sulh sebagaimana Saidina Umar al-Khattab r.a pernah berkata:

ردوا الخصوم حتى يصلحوا، فإن فصل القضاء يورث الضغائن

“Suruhlah mereka yang bertelingkahan supaya duduk semeja agar mereka berunding. Jika hakim memutuskannya, mereka akan saling benci-membenci”<sup>3</sup>. Kata-kata Umar r.a ini diucapkan di hadapan para sahabat dan tiada siapapun yang membantahnya. Dengan ini bermakna mereka mencapai kata sepakat bahawa rundingan (sulh ) dibenarkan oleh syarak.

Sebagai mengaplikasikan sulh di Mahkamah Syariah khususnya di Negeri Selangor, pada tahun 2001 satu kaedah sulh dengan pendekatan mediasi telah diwujudkan dan mula dilaksanakan mulai Mei 2002 melalui Majlis Sulh. Maka untuk memahami Majlis Sulh ini, satu definisi sesuai telahpun penulis utarakan kali pertama pada Ogos 2002 iaitu **“Merupakan suatu proses di mana pihak-pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah Selangor, dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi, yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu, dan seandainya perdamaian tercapai, ianya akan dikeluarkan sebagai suatu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa”**<sup>4</sup>.

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan di *Muzakarah Pegawai-Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali Pertama*, pada 15 – 17 Mac 2009, Hotel Royal Penang, Pulau Pinang.

<sup>2</sup> Hakim Syarie, Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam

<sup>3</sup> Mustafa al-Khin, *al-Fiqh al-Manhajiy*, Dar al-Qalam, Damshik, 1998, jil. 3, hlm. 150

<sup>4</sup> Tuan Drs. Atras bin Mohamad Zin, *Teori Pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Selangor*, Kertas Kerja di Majlis Pertemuan Dengan Wargakerja Mahkamah Syariah Melaka, pada 8 Ogos 2002, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Shah Alam, hlm. 1

## **2. CADANGAN PENYELARASAN PELAKSANAAN *SULH* OLEH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)**

Usaha penyelarasan pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia telah bermula di antaranya melalui bengkel yang telah dijalankan pada Ogos 1996<sup>5</sup> oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Di dalam bengkel tersebut antara lain diputuskan<sup>6</sup> ;

- i. Majlis Sulh diadakan selepas sesuatu kes di Mahkamah sebelum didengar oleh Hakim
- ii. Unit Kaunseling yang mengendalikan aduan-aduan berhubung dengan kekeluargaan yang bertujuan untuk mencari perdamaian dikekalkan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri
- iii. Skop Majlis Sulh adalah mengendalikan semua kes Mal yang difailkan di Mahkamah Syariah termasuk :
  - a. Hal-hal Kekeluargaan semasa perkahwinan dan selepas perceraian
  - b. Pertikaian Harta Pewarisan termasuk pusaka dan harta sepencarian
  - c. Wakaf
  - d. Wasiah
  - e. Nazar
- iv. Bidangkuasa Majlis Sulh :
  - a. Perlantikan Pengerusi : Dilantik oleh Ketua Hakim Syarie dari kalangan Pendaftar atau Penolong Pendaftar
  - b. Majlis Sulh diletakkan di bawah pengawasan mahkamah yang mempunyai bidangkuasa
  - c. Konsep Hakam sedia ada dikekalkan
  - d. Perintah Persetujuan, jika ada, yang dicapai hendaklah dikeluarkan oleh Hakim yang mendengar kes
- v. Jawatankuasa Pendamai seperti yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Keluarga Islam sekarang ditukar menjadi Unit Sulh
- vi. Penolong-Penolong Pendaftar di Mahkamah Syariah hendaklah terdiri daripada Pegawai Syariah
- vii. Mahkamah menggalakkan Sulh di antara pihak-pihak yang bertikai dan tugas mengendalikan perkara ini dijalankan oleh Pendaftar Mahkamah
- viii. Pendaftar hendaklah apabila menerima permohonan dengan seberapa segera menetapkan tarikh untuk menjalankan sulh dan boleh memanggil mana-mana wakil / pihak untuk terlibat dengannya.

---

<sup>5</sup> Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, *Pelaksanaan Sulh Di Bawah Pentadbiran Mahkamah Syariah*, Kertas Kerja di Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Sulh Di Mahkamah Syariah, pada 21hb. – 23hb. Ogos, 1996 di Kangar Travelodge, Perlis

<sup>6</sup> Tuan Haji Mohammad bin Abdullah, *Sulh : Perlaksanaan dan Isu*, Kertas Kerja di Bengkel Pemahaman Undang-Undang Prosedur Mal Syariah, pada 14 – 17 Ogos 2001, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi

- ix. Pihak-pihak yang tidak diwakili oleh Peguam boleh mendapatkan mana-mana peguam untuk mewakilinya dalam majlis Sulh
- x. Semua kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah, pendaftar hendaklah memulakannya dengan Sulh.
- xi. Penyusunan semula Mahkamah Syariah hendaklah dilakukan secara bersepadu di peringkat Persekutuan dan mengambil kira kepentingan Unit Sulh.
- xii. Hasil perundingan dalam Majlis Sulh sama ada berjaya atau tidak berjaya atau separuh berjaya hendaklah dikemukakan kepada hakim.

Kemudiannya, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Tindakan Bagi Menangani Kelewatan Serta Kelemahan Perbicaraan Kes-Kes Di Mahkamah Syariah Kali Ke-5, telah memutuskan supaya JKSM memohon secara rasmi kepada JPA mengenai penubuhan Unit Sulh secara percubaan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Hal ini diikuti dengan penubuhan satu jawatankuasa bagi merealisasikan matlamat tersebut dengan mesyuarat pertama dijalankan di JKSM, Rumah Persekutuan Kuala Lumpur pada 2 Mac 2001.

Apa yang dirancangan dalam pelaksanaan Sulh tersebut, ianya dibahagi kepada tiga fasa, iaitu :

- i. Fasa 1 ; dilaksanakan sebagai projek perintis (Pilot Projek) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan mulai Julai 2001
- ii. Fasa 2 ; Projek ini dicadangkan diperluaskan pelaksanaannya ke Jabatan Kehakiman Syariah / Mahkamah Syariah Negeri Gunasama Pegawai Syariah mulai 1 Januari 2002
- iii. Fasa 3 ; Mulai 1 Julai 2002 dicadangkan projek ini diperluas ke seluruh negara.

Dalam masa yang sama, JKSM mengharapkan impak-impak berikut dari pelaksanaan Sulh tersebut melalui kaedah *sulh* yang telah didraf di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada tahun 1996 :

- i. Mempercepatkan perbicaraan kes mal di Mahkamah Syariah
- ii. Pertikaian pihak-pihak dapat diselesaikan dalam suasana kekeluargaan dan harmoni
- iii. Mengurangkan kes-kes tertangguh

### **3. SEJARAH RINGKAS PELANTIKAN PEGAWAI SULH JAKESS**

JAKESS telah melantik secara kontrak seramai 11 orang Pegawai Sulh pada 15 April 2002 yang terdiri daripada lapan (8) orang pegawai lelaki dan tiga (3) orang pegawai wanita, untuk mengendalikan Majlis Sulh secara rasmi. Namun begitu, memandangkan pegawai-pegawai tersebut dan warga kerja JAKESS belum ada apa-apa kemahiran berkaitan dengan pelaksanaan Majlis Sulh, semua Pegawai Sulh tersebut termasuk Pendaftar serta Penolong-Penolong Pendaftar telah diarahkan menghadiri Bengkel Mediasi Mahkamah Syariah Selangor pada 22 hingga 24 April 2002, yang mana hasilnya lahirlah Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah Selangor tahun 2002.

Setelah itu, barulah Pegawai-Pegawai Sulh tersebut telah ditempatkan di sepuluh Mahkamah Rendah Syariah dan seorang pegawai di Mahkamah Tinggi Syariah di seluruh Negeri Selangor untuk melaksanakan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Negeri Selangor Tahun 2001 (KTMSSel01).

Kemudiannya terdapat beberapa kursus, bengkel dan seminar lain yang telah dilalui oleh Pegawai-Pegawai Sulh tersebut termasuklah pada Disember 2006 mengikuti Kursus Mediasi selama 40 jam dan Disember 2008 mengikuti Kursus Pengurusan Mediasi Lanjutan anjuran JKSM dan Accord Group Int. Australia. Dalam masa yang sama terdapat tiga orang Pegawai Syariah dengan dua orang daripadanya terdiri dari Pegawai Sulh Negeri Selangor telah diiktiraf sebagai Jurulatih (*Couch*) dalam Kursus Mediasi yang diadakan pada bulan Julai 2008 yang lalu.

Selain daripada itu, terdapat juga usaha pendekatan kaunseling yang diberikan kepada Pegawai Sulh Negeri Selangor melalui penyertaan mereka di dalam Kursus Asas Kunseling sebanyak tiga peringkat sehingga mendapat Pentauliahian Sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAM) pada 29 November 2007.

Begitu juga, Pegawai Sulh Negeri Selangor bukan sahaja aktif dalam tugas-tugas sulh tetapi juga terlibat secara langsung di dalam pengurusan pentadbiran Mahkamah yang lain seperti mendapat tauliah dan menjalankan tugas Hakim bagi Pegawai Sulh lelaki dan mendapat tauliah sebagai Penolong Pendaftar bagi Pegawai Sulh wanita. Tidak ketinggalan terlibat secara langsung sebagai jawatankuasa utama atau juru odit dalam bagi pelaksanaan ISO di JAKESS.

Sebagai maklumat setakat ini (10 Mac 2009) terdapat seramai 14 orang Pegawai Sulh tetap dan seorang Pegawai Sulh kontrak yang ada di JAKESS dengan seramai tujuh orang menjalankan tugas sebagai Hakim, tiga orang menjalankan tugas sebagai Pegawai Penyelidik dan yang lainnya menjalankan tugas Sulh sepenuh masa.

#### **4. PELAKSANAAN SULH DI JAKESS**

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh penulis pada tahun 2003<sup>7</sup>, secara keseluruhan, di bawah undang-undang Islam yang berkuatkuasa di dalam Negeri Selangor, *sulh* meliputi tiga bahagian seperti berikut :

- i. *Sulh* dalam kes pembubaran perkahwinan yang meliputi kaedah rundingcara, jawatankuasa pendamai dan hakam
- ii. *Sulh* dalam bentuk umum di bawah seksyen 87 EKPMSS91 yang meliputi bimbingan Pendaftar Mahkamah Syariah (sebelum 1hb. Mei, 2002), bantuan Peguam Syarie dan perbincangan pihak-pihak tanpa bantuan pihak ketiga
- iii. *Sulh* berdasarkan KTMSS01

##### **4.1 Pelaksanaan Sulh Bagi Kes-Kes Pembubaran Perkahwinan dan Implikasinya**

Antara kaedah *sulh* melibatkan isu pembubaran perkahwinan sebagaimana yang telah ditetapkan secara langsung di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor No.4/1984 (Pindaan 1988) (EUKIS84) adalah *sulh* dalam Kaedah Jawatankuasa Pendamai dan Hakam. Tetapi kewujudan Unit Rundingcara (Kaunseling) di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) dalam menjalankan proses *sulh* tidak boleh diketepikan peranannya, kerana pelaksanaan *sulh* dalam bentuk rundingcara adalah menepati kehendak hukum syarak dan undang-undang yang berlaku.

##### **i. Pelaksanaan *Sulh* di Peringkat Rundingcara (Kaunseling)**

Berdasarkan Subseksyen 47(1) (e) dan (f) EUKIS84<sup>8</sup> dapat difahami bahawa, peranan kaunseling / rundingcara sebagai tempat pertama pasangan suami isteri mendapatkan bantuan bagi memperbaiki hubungan rumahtangga mereka sebelum kes dibawa ke Mahkamah jika tiada penyelesaian dalam rumahtangga mereka.

Peranan proses rundingcara yang ditadbir oleh Bahagian Perundangan Keluarga JAIS adalah sebagai tempat bagi pasangan suami isteri atau mana-mana pihak yang mempunyai kemusykilan

---

<sup>7</sup> Atras bin Mohamad Zin, 2006, *Pelaksanaan Majlis Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) : Kajian Kes Tahun 2003 di Mahkamah Syariah Hulu Langat*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, UKM, Bangi.

<sup>8</sup> Seksyen 47(1) EUKIS84 menyatakan : Seseorang suami atau seseorang isteri yang hendak bercerai hendak bercerai hendaklah menyerahkan sesuatu permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan, disertai dengan suatu akuan mengandungi – ...

(e) suatu pernyataan tentang sama ada apa apa-apa, dan jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian ;

dalam soal keagamaan mendapatkan maklumat awal, sebelum kes difailkan di Mahkamah jika diperlukan kemudiannya.

Hal ini sesuai dengan peranan rundingcara yang meliputi empat jenis rundingcara<sup>9</sup> iaitu Rundingcara Pernikahan<sup>10</sup>, Rundingcara Perceraian<sup>11</sup>, Penerangan atau Penjelasan Undang-undang<sup>12</sup> dan Khidmat Nasihat Umum<sup>13</sup>.

Maka, peranan *sulh* yang dijalankan melalui proses rundingcara ini adalah untuk mencari suatu penyelesaian terbaik hubungan suami isteri kembali rukun damai atau jika tiada penyelesaian, pihak suami dan isteri tersebut akan membubarkan perkahwinan mereka mengikut adab sebagai mana yang dituntut oleh syarak, termasuklah penyelesaian dalam isu-isu yang melibatkan hak dan tanggungjawab yang akan lahir dari perceraian tersebut. Ataupun bagi isu-isu yang lain, pihak-pihak yang bertikai dapat memahami hak dan tanggungjawab mereka dan bagaimana hak dan tanggungjawab tersebut sepatutnya dilaksanakan.

## **ii. Pelaksanaan *Sulh* Menurut Kaedah Jawatankuasa Pendamai**

Berdasarkan subseksyen 47(5) EUKIS84 dapat difahami bahawa, setelah Mahkamah berpuashati berlakunya *syiqaq* antara suami isteri (plaintif dan defendan) setelah kes difailkan di Mahkamah, sedangkan salah satu pihak (defendan) tidak bersetuju dengan permohonan cerai oleh pihak yang satu lagi (plaintif), atau Mahkamah berpuashati bahawa suatu perdamaian boleh dicapai, maka Mahkamah boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai. Jawatankuasa ini akan dikendalikan dengan dipengerusikan oleh seorang Pegawai Agama dengan kehadiran wakil-wakil yang dilantik oleh pihak-pihak dalam tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah.

Setelah selesai usaha perdamaian oleh jawatankuasa ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka satu laporan akan diserahkan semula kepada Mahkamah. Laporan berkenaan akan menyatakan, sama

---

<sup>9</sup> Jamilah binti Saad, "Rundingcara di Jabatan Agama Islam Selangor", Kertas Kerja pada *Seminar Undang-undang Kekeluargaan Islam Selangor*, pada 26hb. September, 2002 di Kelab Shah Alam, Shah Alam, hlm. 4-7.

<sup>10</sup> Meliputi isu wali enggan, bawah umur, wali ghaib, *muallafah*, wali hakim, poligami dan anak tak sah taraf.

<sup>11</sup> Meliputi isu-isu faraq, ta'liq, khulu', fasakh, setuju secara baik, mohon pengesahan cerai, selepas perceraian.

<sup>12</sup> Meliputi isu-isu penjelasan tentang Undang-undang Keluarga Islam Selangor, memberi nasihat undang-undang yang dikuatkuasakan di Negeri Selangor.

<sup>13</sup> Berkisar kepada masalah rumahtangga seperti orang ketiga, isteri nusyuz, tidak bertanggungjawab, ditinggalkan suami dan lain-lain.

ada usaha mendamaikan suami isteri tersebut berjaya atau sebaliknya. Jika suami isteri tersebut berjaya didamaikan, kes akan ditutup. Tetapi jika suami isteri tersebut gagal didamaikan, maka Mahkamah akan menasihatkan suami untuk melafazkan cerai. Seandainya suami enggan melafazkan maka kes akan dirujuk kepada hakam di bawah Seksyen 48 EUKIS84.

Jika suami tersebut melafazkan cerai, Mahkamah akan merujuk kepada apa-apa cadangan tentang penyelesaian hak-hak selepas perceraian seperti yang disyorkan. Jika ada syor dan pihak-pihak tersebut bersetuju, maka ianya akan direkod dan diperintahkan mengikut tindakan di bawah Seksyen-seksyen 88-91 EKPMSS91. Di peringkat inilah fungsi *sulh* mengikut Seksyen 87 Enakmen Kanun Prosedur Mal Mahkamah Syariah Selangor Tahun 1991 (EKMPSS91)<sup>14</sup> berlaku.

Walau bagaimanapun, di peringkat pelaksanaan, jarang terdapat kes yang telah ada syor sebagaimana peruntukan subseksyen 47(14) EUKIS84 berkaitan penyelesaian hak-hak selepas perceraian di dalam jawatankuasa pendamai tersebut dipersetujui oleh pihak-pihak setelah suami melafazkan cerai.

### **iii. Pelaksanaan *Sulh* Menurut Kaedah Hakam**

Seksyen 48 EUKIS84 memberikan peruntukan bahawa, hakam merupakan kaedah *sulh* khusus berkaitan perdamaian atau pembubaran perkahwinan semata-mata, tanpa menyentuh soal *sulh* dalam isu-isu yang lain. Dalam hal ini, sekiranya Mahkamah berpuashati bahawa *syiqaq* sentiasa berlaku, Mahkamah boleh melantik hakam dari pihak isteri dan suami dengan melihat kepada keutamaan perwakilan di samping memberikan arahan-arahan kepada hakam. Jika hakam yang mewakili satu pihak berbeza pendapat dengan hakam satu pihak lagi atau Mahkamah tidak berpuashati dengan pelaksanaan hakam tersebut, Mahkamah berhak memecat hakam tersebut dan melantik hakam lain.

Hakam juga hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh (kuasa untuk membuat keputusan dari pihak suami dan isteri dan wakalah untuk melafazkan talaq dari pihak suami). Jika hakam berpendapat suami isteri itu patut bercerai tetapi gagal mendapatkan kuasa penuh (wakalah untuk melafazkan talaq dari pihak suami) atau sebab-sebab yang lain, maka Mahkamah hendaklah melantik hakam lain dengan memberikan kepada mereka kuasa memerintahkan perceraian. Jika perintah perceraian disempurnakan maka rekod perceraian dilaksanakan sebagaimana proses biasa mengikut undang-undang.

---

<sup>14</sup> EKMPSS91 telah digantikan dengan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) No.4/2003 yang berkuasa mulai 1 September 2003

## **4.2. PELAKSANAAN *SULH* MENURUT KAEDAH UMUM *SULH* BERDASARKAN SEKSYEN 87 EKPMSS91<sup>15</sup>**

Pelaksanaan *sulh* mengikut seksyen 87 EKPMSS91 merupakan satu pengkhususan bagi galakan kepada pihak-pihak yang bertikai dalam kes *Mal* yang difailkan di JAKESS supaya menyelesaikan kes mereka melalui perundingan dan persetujuan bersama (*sulh*) bukannya melalui proses perbicaraan. Kaedah *sulh* di peringkat ini selain Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Negeri Selangor Tahun 2001 (KTMSS01) termasuklah perundingan melalui bantuan pihak ketiga seperti Peguam Syarie dan Pendaftar Mahkamah Syariah (sebelum 1hb. Ogos, 2001) atau perundingan antara pihak-pihak secara bersendirian tanpa bantuan pihak ketiga.

### **i. Persetujuan Melalui Bantuan Peguam Syarie**

Pihak Peguam Syarie bagi pihak-pihak juga ada yang melaksanakan konsep *sulh* dalam bentuk perbincangan antara pihak-pihak bagi mencapai perdamaian. Hasilnya, lahir penyelesaian yang akan diendorskan di Mahkamah Syariah. Penyelesaian ini adakalanya bersifat keseluruhan isu kes yang difailkan melalui satu perjanjian rasmi yang mengandungi fakta-fakta kes secara ringkas sehinggalah isu-isu yang dipersetujui untuk dijadikan sebagai perintah Mahkamah. Adakalanya penyelesaian adalah bersifat lisan sahaja yang akan dibacakan di hadapan Mahkamah.

Tetapi dari aspek realitinya, walaupun galakan penyelesaian *sulh* dalam kes yang didaftarkan di Mahkamah seperti peruntukan seksyen 87 EKPMSS91 tersebut, sebagai seorang Peguam Syarie, jelas dalam apa jua keadaan, ia terikat dengan etika untuk menjaga kepentingan anakguamnya di samping hubungan baik dengan anakguamnya sendiri kerana mereka bersifat mempunyai kepentingan antara satu sama lain. Maka tidak mungkin Peguam Syarie dalam perbincangan tersebut akan bersifat berkecuali sepenuhnya dengan pihak satu lagi yang tidak diwakilinya tanpa memikirkan kepentingan anakguamnya.

Hal ini sesuai dengan peruntukan hukum syarak dan undang-undang bahawa hubungan antara seseorang Peguam Syarie dengan anakguamnya adalah berdasarkan prinsip wakalah<sup>16</sup>. Maka, seseorang Peguam Syarie hendaklah mempertahankan anakguamnya selama mana tidak bercanggah dengan syarak, keadilan dan kehormatan profesionnya dan tidak boleh melakukan perdayaan ke atas

---

<sup>15</sup> Merujuk kepada Seksyen 94 ETMSSel03

<sup>16</sup> EKPMSS91 Seksyen 28



Mahkamah<sup>17</sup> sebagaimana yang diperuntukan di dalam perkara Arahan Amalan No.4 Tahun 2002 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berkuatkuasa mulai 1hb. Jun, 2002<sup>18</sup>.

Antara amalan yang dilakukan oleh Peguam Syarie dalam usaha membantu pihak-pihak yang memfailkan kes di JAKESS untuk menyelesaikan kes mereka secara persetujuan bersama (*sulh*) adalah mengikut jenis kes sebagaimana berikut <sup>19</sup>:

a. Dalam kes-kes pembubaran perkahwinan

Apabila salah seorang suami isteri telah membuat keputusan untuk mendapatkan khidmat Peguam Syarie, pihak Peguam Syarie akan terlebih dahulu cuba membuat tawaran kepada pihak yang satu lagi untuk kes tersebut dapat diselesaikan melalui suatu perundingan di luar Mahkamah, sebelum kes tersebut difailkan ke Mahkamah.

Tetapi jika tidak mendapat kerjasama dari satu pihak lagi, proses tawar-menawar bagi mencari penyelesaian ini boleh diusahakan walaupun setelah kes pembubaran perkahwinan difailkan dan dibicarakan di Mahkamah selama mana belum ada keputusan atau perintah dikeluarkan oleh Mahkamah tentang kes yang difailkan tersebut.

b. Dalam kes tuntutan / permohonan selain pembubaran perkahwinan.

Apabila salah satu pihak plaintif atau defendan telah membuat keputusan untuk mendapatkan khidmat Peguam Syarie pada kebiasaannya proses tawar-menawar dalam usaha mencari penyelesaian akan bermula setelah kes tersebut difailkan ke Mahkamah. Ini bertujuan agar pihak-pihak bersedia membuat apa pun perundingan setelah jelas dengan apa ingin dituntut atau dipohon oleh satu pihak lagi melalui Pernyataan Tuntutan atau Afidavit Permohonan yang difailkan. Proses tawar-menawar bagi mencari penyelesaian ini juga boleh diusahakan selama mana belum ada keputusan atau perintah Mahkamah dikeluarkan bagi kes tersebut.

---

<sup>17</sup> Siti Zalikah Hj. Md Nor, "*Kod Etika Peguam Syarie*", (2001) 14 JH 141, hlm. 143.

<sup>18</sup> Perkara 8(b) Etika Peguam Syarie menyatakan : "Peguam Syarie yang telah, pada bila-bila masa, menasihatkan atau membuat guaman, atau bertindak bagi suatu pihak berhubung dengan mengadakan atau menjalankan pendakwaan atau membela sesuatu guaman, rayuan atau lain-lain perbicaraan tidak boleh bertindak, hadir atau berguam bagi pihak lawan dalam guaman, rayuan atau lain-lain perbicaraan tersebut"

<sup>19</sup> Maklumat daripada Encik Mohamad Isa bin Abdul Ralip dari Tetuan Mohamad Isa & Associates, Peguam Syarie yang telah beramal di Negeri Selangor lebih daripada lapan tahun

**ii. Dengan Bimbingan Pendaftar Mahkamah Syariah (sebelum 1hb. Ogos, 2001)**

Sebahagian Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah juga ada melaksanakan usaha *sulh* ini yang hampir menyerupai kaedah yang dikehendaki oleh KTTMSel01. Para Pendaftar ini melakukan usaha *sulh* dengan tujuan membantu pihak-pihak yang bersedia berbincang di hadapan mereka khususnya dalam kes-kes pembubaran perkahwinan. Hasilnya lahirlah persetujuan yang boleh direkodkan di Mahkamah.

Mulai 1hb. Ogos, 2001<sup>20</sup> apabila KTMSS01 mula berkuasa, Pendaftar<sup>21</sup> merupakan pegawai mahkamah yang ditugaskan sebagai Pengerusi Majlis *Sulh*. Tetapi memandangkan pada realitinya, mereka mempunyai tugas lain yang perlu difikirkan khususnya dari segi pentadbiran Mahkamah. Maka, apabila mereka berusaha melaksanakan *sulh* tersebut, faktor keterbatasan masa adalah halangan utama bagi mereka untuk melaksanakan *sulh* tersebut sepenuhnya. Dalam masa yang sama, sebelum Mei, 2002 juga belum ada pendekatan khusus dalam kaedah mediasi yang dipelajari walaupun mungkin ada digunakan oleh mereka.

**iii. Persetujuan Bersama Pihak-Pihak Tanpa Bantuan Pihak Ketiga**

Begitu juga di kalangan pihak-pihak yang tidak mempunyai Peguam Syarie juga ada yang telah membuat persetujuan bersama di antara mereka semasa proses perceraian berjalan. Penyelesaian ini ada dua keadaan, sama ada pihak-pihak ada melalui suatu perjanjian penyelesaian secara bersendirian atau di hadapan mana-mana peguam yang tidak mewakili pihak-pihak tersebut di dalam Mahkamah (sama ada Peguam Syarie atau Peguam Sivil), dan pada kebiasaannya penyelesaian adalah secara lisan tanpa bantuan mana-mana pihak, tetapi berdasarkan apa yang dicatatkan di dalam borang yang disediakan oleh pihak Mahkamah mengikut apa yang telah ditentukan oleh undang-undang sahaja.

Bagi kedua-dua bentuk ini ada pro dan kontranya berdasarkan pengalaman Hakim Syarie yang mengendalikan kes. Contohnya bagi penyelesaian secara lisan tersebut, pada kebiasaannya terlalu bersifat mudah yang menyebabkan sedikit kesukaran kepada pihak Mahkamah, kerana Hakim Syarie harus bertanya semula kepada pihak-pihak agar apa yang diperintahkan akan lebih sempurna dari segi subjek, pelaksana, bagaimana dilaksana, bila berkuatkuasa dan sebagainya.

---

<sup>20</sup> KTMSSel01 Kaedah 1(1)

<sup>21</sup> KTMSSel01 Kaedah 5(1)

## 5. PELAKSANAAN *SULH* MENURUT KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL (SULH) NEGERI SELANGOR TAHUN 2001 (KTMSSel01)

Pada kebiasaannya, peruntukan tentang kuasa melaksanakan Majlis / Proses Sulh di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia (JKSN / MSN) diletakkan di dalam Enakmen / Akta / Ordinan Tatacara / Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri<sup>22</sup> sebagaimana peruntukan Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) No. 4/2003 yang menyatakan : **“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak”**.<sup>23</sup>

Berdasarkan peruntukan tersebut menunjukkan bahawa dalam apa-apa kes Mal, pihak-pihak yang mempunyai kes di Mahkamah Syariah berhak untuk menjalankan proses Sulh sama ada melalui apa-apa peruntukan undang-undang iaitu melalui **Kaedah** di bawah Enakmen Tatacara Mal tersebut atau jika tiada apa-apa kaedah bermakna perlu merujuk kepada kehendak **Hukum Syarak**. Kaedah-

---

<sup>22</sup> Rujuk :

1. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Johor) No.20/2003 (ETMSJ03) yang berkuatkuasa mulai 1 April 2004
2. Enakmen Aturcara *Mal* Islam 1979 (Negeri Kedah) No. /1984 atau EAMIKed79 yang berkuatkuasa mulai 1 April 2004
3. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) No.7/2002 (ETMSKel02) yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2003
4. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) No.13/2002 (ETMSM02) yang berkuatkuasa mulai 14 Jun 2003
5. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) No.14/2003 (ETMSNS03) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 2004
6. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) No.9/2002 (ETMSPhg02) yang berkuatkuasa mulai 5 Disember 2002
7. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) No.6/2004 (ETMSPP04) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006
8. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Perak) No.7/2004 (ETMSPrk04) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2005
9. Enakmen Prosedur *Mal* Mahkamah Syariah 1991 (Negeri Perlis) No.5/1993 (EPMSPer91) yang berkuatkuasa mulai 8 November 2006
10. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) No.4/2003 (ETMSSel03) yang berkuatkuasa mulai 1 September 2003
11. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) No.4/2001 (ETMST01) yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2002
12. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) No.10/2004 (ETMSSab04) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2005
13. Ordinan Tatacara *Mal* Syariah (Negeri Sarawak) No.44/2001 (OTMSSar01) yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2004
14. Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1988 (Akta 585) yang berkuatkuasa mulai 27 Ogos 1998

<sup>23</sup> Rujuk : S.99 ETMSJ03, S.99 ETMSKel02, S.99 EMSSM02, S.99 ETMSNS03, S.99 ETMSPhg02, S.99 ETMSPP04, S.99 ETMSPrk04, S.89 EPMSPer91, S.99 ETMST01, S.99 ETMSSab04, S.99 OTMSSar01 dan S.99 ATMSW88 dengan catatan : di dalam ETMIKed79 tiada peruntukan khusus tentang proses Sulh ini, tetapi boleh merujuk kepada peruntukan Seksyen 273 dan 274 enakmen yang sama sebagai asas untuk proses Sulh dapat dilaksanakan

kaedah tersebut boleh dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah melalui warta sebagaimana peruntukan Seksyen 245 dan 247 ETMSSel03<sup>24</sup> yang menyatakan :

- S. 245 (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak adalah terbatal setakat yang ia tak konsisten itu.**
- (2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.**
- S.247 (1) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah boleh, membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam Warta, bagi menjalankan peruntukan Enakmen ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan bagi—**
- (a) tatacara dan amalan pejabat pendaftaran Mahkamah Syariah;**
  - (b) fi, elaun dan kos yang kena dibayar berkenaan dengan prosiding di bawah Enakmen ini;**
  - (c) tatacara mengenai sulh;**
  - (d) borang, buku akaun, laporan dan dokumen lain yang hendak digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini; dan**
  - (e) penjalanan Mahkamah, bentuk dan kaedah pelaksanaan surat cara dan pelantikan pegawai atau ejen Mahkamah.**
- (2) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah boleh meminda Jadual Kedua dan Ketiga melalui perintah.**

Walau bagaimanapun, memandangkan apa yang dinyatakan di dalam Hukum Syarak adalah terlalu luas panduannya sebagaimana yang dijelaskan dalam Kertas Kerja sebelum ini, maka satu pendekatan undang-undang melalui “kuasa azali” atau “kuasa sedia ada” untuk Mahkamah membuat apa-apa arahan yang sesuai untuk mengelakkan ketidakadilan atau penyalahgunaan kuasa Mahkamah boleh dibuat dalam pelaksanaan proses Sulh ini. Kaedah yang sesuai antaranya Mahkamah boleh merujuk Arahan Amalan JKSM No.3/2002 (Pemakaian Sulh) dan mana-mana peruntukan Kaedah Sulh mana-mana Negeri lain untuk memudahkan mana-mana Pegawai yang dilantik sebagai Pengerusi Majlis Sulh dan Pendaftar menjalankan tugasnya.

---

<sup>24</sup> Rujuk : S.245 & S.247 ETMSJ03, S.273 & S.74 EAMIKed79, S.245 & S.247 ETMSKel02, S.245 & S.247 EMSSM02, S.245 ETMSNS03 & S.77 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) No.10/2003 atau EPAINS03, S.245 & S.247 ETMSPHg02, S.245 & S.247 ETMSPP04, S.245 & S.247 ETMSPrk04, S.264 & S.265 EPMSPer91, S.245 & S.247 ETMST01, S.245 & S.247 ETMSSab04, S.245 & S.247 OTMSSar01 dan S.245 & S.247 ATMSW88

Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan Seksyen 244 ETMSSel03 yang menyatakan : **“Tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyetujui kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk mengelakkan ketidakadilan atau mengelakkan penyalahgunaan proses Mahkamah”<sup>25</sup>.**

### **5.1. Peruntukan Undang-Undang**

Justeru itu, dalam melaksanakan Majlis Sulh ini terdapat beberapa peruntukan perundangan dan pekeliling yang perlu dirujuk sebagaimana berikut :

- i. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 1/2003 (EPAISel03)<sup>26</sup>
- ii. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 4/2003 (ETMSSel03)<sup>27</sup>
- iii. Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Negeri Selangor 2001 (KTMSSel01)<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> Rujuk : S.244 ETMSJ03, S.271 EAMIKed79, S.244 ETMSKel02, S.244 EMSSM02, S.244 ETMSNS03, S.244 ETMSPhg02, S.244 ETMSPP04, S.244 ETMSPrk04, S.262 EPMSPer91, S.244 ETMST01, S.244 ETMSSab04, S.244 OTMSSar01 dan S.244 Akta 585

<sup>26</sup> Rujuk :

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) No.16/2003 (EPAIJ03) yang berkuatkuasa mulai 1 April 2004
2. Enakmen Mahkamah Syariah 1993 (Negeri Kedah) No.4/1994 (EMSKed93) yang berkuatkuasa mulai 3 Mac 1994
3. Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) No.3/1982 (EPMSKel82) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1984
4. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) No.7/2002 (EPAIM02) yang berkuatkuasa mulai 14 Jun 2003
5. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) No.10/2003 (EPAINS03) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 2004
6. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) No.3/1991 (EPUIPhg91) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992
7. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) No.4/2004 (EPAIPP04) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006
8. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) No.4/2004 (EPAIPrk04) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2005
9. Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (Negeri Perlis) No.5/1992 (EPMSPer91) yang berkuatkuasa mulai 8 November 2006
10. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) No.2/2000 (EPAISel03) yang berkuatkuasa mulai 1 September 2000
11. Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) No.3/2001 (EPMST01) yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2002
12. Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) No.6/2004 (EMSSab04) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2005
13. Ordinan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak) No.42/2001 (OMSSar01) yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2004
14. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) yang berkuatkuasa mulai 15 Oktober 1993

<sup>27</sup> Rujuk Nota Kaki No. 4 di atas

<sup>28</sup> Hanya terdapat enam buah Negeri / Wilayah Persekutuan yang telah membuat Kaedah Sulh ini, iaitu ;

1. Negeri Johor melalui Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Johor 2004 (KTMSJ04) yang berkuatkuasa mulai 1 September 2004

- iv. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2/2003 (EUKISel03)<sup>29</sup>
- v. Pekeliling Ketua Hakim MSS 1/2002 (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh JAKESS)<sup>30</sup> atau Manual Kerja Sulh JKSM 2002 Cetakan 2003<sup>31</sup>
- vi. Pekeliling Ketua Hakim MSS 9/2002 [Bidangkuasa Pegawai Sulh (Hakim)] iaitu berkuatkuasa mulai 11/10/2002, arahan ini membataskan tugas dan bidangkuasa Pegawai Sulh Negeri Selangor yang diberi tauliah Hakim Syarie dan salah satunya adalah **"tidak boleh mendengar dan memutus kes-kes yang telah melalui Majlis Sulh di hadapannya"**
- vii. Arahan Amalan JKSM No.1/2000 (Kod Pendaftaran Kes) menyatakan : Mulai 1 Julai 2001 semua kes-kes Mahkamah Syariah hendaklah didaftarkan menurut Kod Pendaftaran

- 
2. Negeri Melaka melalui Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Melaka 2004 (KTMSM04) yang berkuatkuasa mulai 15 Februari 2004
  3. Negeri Pahang melalui Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Pahang 2005 (KTMSPhg05) yang belum berkuatkuasa setakat ini (14/1/2009)
  4. Negeri Pulau Pinang melalui Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Mahkamah Syariah Pulau Pinang 2006 (KTMSPP06) yang berkuatkuasa mulai 22 Jun 2006
  5. Negeri Selangor melalui Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 (KTMSSel01) yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2001
  6. Wilayah Persekutuan melalui Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Wilayah-Wilayah Persekutuan 2004 (KTMSWP04) yang berkuatkuasa mulai 8 Januari 2004

<sup>29</sup> Rujuk :

1. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) No.17/2003 (EUKIJ03) yang berkuatkuasa mulai 1 April 2004
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) No.1/1984 (EUKIKed84) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1985
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) No.6/2002 (EUKIKel03) yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2003
4. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) No.12/2002 (EUKIM02) yang berkuatkuasa mulai 14 Jun 2003
5. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) No.11/2003 (EUKINS03) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 2004
6. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) No.3/2005 (EUKIS03) yang berkuatkuasa mulai 12 April 2007
7. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) No.5/2004 (EUKIPP04) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006
8. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Perak) No.6/2004 (EUKIPrk04) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2005
9. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) No.4/1992 (EUKIPer92) yang berkuatkuasa mulai 1 November 2006
10. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) No.2/2003 (EUKIS03) yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2004
11. Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) No.12/1985 (EUKIT85) yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1987
12. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) No.15/1992 (EUKISab92) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) No.8/2004 (EUKISab04) yang belum berkuatkuasa setakat 14/1/2009
13. Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sarawak) No.43/2001 (EUKISar01) yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2004
14. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Pindaan 2002 (Akta 303) yang berkuatkuasa mulai 29 April 1987

<sup>30</sup> Panduan Kod Etika dan Manual Kerja bagi Pegawai Sulh Negeri Selangor yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2002

<sup>31</sup> Panduan Kod Etika dan Manual Kerja bagi Pegawai Sulh Mahkamah-Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia yang dikeluarkan oleh JKSM dan telah diluluskan sahaja pada 17 Julai 2002 tetapi belum dijadikan sebagai Arahan Amalan hingga kini

sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual bersama ini. Tujuan mengadakan Kod Pendaftaran ini ialah untuk :-

- a) Memudahkan pengenalan kes-kes di Mahkamah
- b) Memudahkan penyediaan penyata perangkaan
- c) Memudahkan Mahkamah menetapkan kes-kes untuk dibicarakan

- viii. Arahan Amalan JKSM No.5/2000 (Kaedah Perbilangan Pendaftaran Kes) yang menyatakan :
1. Kes-kes yang diselesaikan secara sulh hanya dikira sebagai satu kes sahaja mengikut fail induk yang didaftarkan.
  2. Sekiranya dalam satu permohonan/tuntutan terdapat beberapa permohonan yang difailkan secara berasingan, pihak-pihak boleh membuat permohonan untuk penyatuan prosiding tetapi penyelesaiannya masih dikira mengikut pecahan kes yang dibicarakan itu.
  3. Merujuk kepada kes perceraian dengan persetujuan, sekiranya terdapat tuntutan-tuntutan sampingan yang dipersetujui maka ia dikira mengikut satu kes (iaitu kes cerai dengan persetujuan) manakala jika terdapat tuntutan-tuntutan yang tidak dipersetujui dan diminta dibicarakan maka tuntutan yang dibicarakan itu hendaklah dibuat berasingan dan dikira mengikut pecahan kes.
- ix. Arahan Amalan JKSM No.3/2002 (Pemakaian Sulh) menyatakan : “semua kes-kes selepas didaftarkan, hendaklah dengan seberapa segera tidak melebihi 21 hari dirujuk kepada Pengerusi Majlis Sulh dengan memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk sesi Sulh / penyelesaian damai, sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dicatatkan dan dibacakan semula di hadapan pihak-pihak dan terus dipanjangkan kepada Hakim untuk direkodkan Perintah Persetujuan Bersama. Bagi kes yang gagal di peringkat ini hendaklah terus ditetapkan tarikh perbincangan setelah semua prosiding kes dipenuhi. Bagi maksud pemakaian sistem Sulh ini ianya tidak terpakai ke atas kes-kes Pembubaran Perkahwinan dan Nasab”.
- x. Arahan Amalan JKSM No.7/2003 (Cara Menyimpan dan Melupakan Catatan Pegawai Sulh) menyatakan : “cara menyimpan dan melupakan catatan Pegawai Sulh dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut Akta Arkib Negara 2003 dalam perkara Rekod Awam”.
- xi. Arahan Amalan JKSM No.8/2003 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh) menyatakan : “prosedur penyerahan Notis Sulh kepada pihak-pihak di dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut prosedur penyerahan saman sebagaimana yang terdapat di dalam Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri”.
- xii. Arahan Amalan JKSM No.11/2005 (Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama) menyatakan : “Mahkamah Rendah Syariah hendaklah merekodkan apa-apa terma Persetujuan Bersama dan / atau Sulh tetapi tidak boleh mengendorskan dalam kes-kes yang mana bidangkuasanya adalah termasuk di dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah”.

- xiii. Arahan Amalan JKSM No.15/2005 (Menggugurkan Nafkah 'Iddah , Mut'ah, Nafkah Anak Dan Hadhanah Dalam Perjanjian Persetujuan) menyatakan : “perjanjian-perjanjian persetujuan bersama atau perjanjian semasa Majlis Sulh tidak boleh menggugurkan hak-hak isteri yang belum disabitkan melalui talaq iaitu nafkah iddah dan mut'ah, dan hak anak iaitu hadhanah dan nafkah anak”.
- xiv. Arahan Amalan JKSM No.4/2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh) menyatakan : “mana-mana perjanjian persetujuan Sulh tidak boleh dilaksanakan atau dikuatkuasakan tanpa terlebih dahulu memperolehi perintah Mahkamah. 2. Jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi Majlis Sulh hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan”.
- xv. Arahan Amalan JKSM No.5/2006 (Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh) menyatakan : "Kesan perjanjian persetujuan Sulh yang menepati kehendak Hukum Syarak yang telah direkodkan dan disahkan oleh Mahkamah tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat dengan perjanjian persetujuan tersebut".
- xvi. Dan lain-lain peraturan yang berkaitan

## **5.2. Prosedur Kerja Sulh**

Dalam menjalankan proses sulh di Mahkamah, terdapat dua bentuk tugas yang berbeza yang perlu difahami oleh warga kerja Mahkamah Syariah iaitu tugas dari aspek pengurusan Kes Sulh yang dinamakan sebagai **Prosedur Kerja Sulh** yang tertumpu kepada tugas Pendaftar dan tugas dari aspek pengendalian Majlis Sulh oleh "pengerusi" Majlis Sulh sama ada oleh Pendaftar atau Pegawai Sulh yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie Negeri dinamakan **Manual Kerja Sulh**. Secara mudahnya, **Prosedur Kerja Sulh** adalah "**peringkat-peringkat perjalanan kes yang melalui Majlis Sulh bermula dari pendaftaran sehinggalah selesai kes tersebut di Mahkamah**".

Terdapat lima (5) peringkat Prosedur Kerja Sulh berjalan iaitu dari Kes Didaftarkan, Pendaftar Menilai Kes Sulh, Notis Sulh Dikeluarkan, Kehadiran Pihak-Pihak dan Keputusan Kes Sulh sebagaimana berikut ;

### **5.2.1. Kes Didaftarkan Di Mahkamah**

Dalam hal ini, prosedur di dalam pendaftaran kes di Mahkamah diikuti seperti biasa menurut bidangkuasa Mal Mahkamah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam peruntukan Seksyen 61



EPAISel03<sup>32</sup> serta apa-apa peruntukan yang berkaitan dengan merujuk kod kes seperti Arahan Amalan JKSM No.1/2000 . Maka, tidak ada apa-apa kes jenayah syariah didaftarkan di Mahkamah Syariah atau apa-apa kes Mal yang tidak didaftarkan di Mahkamah Syariah boleh melalui Majlis Sulh ini.

Harus difahami bahawa, kedudukan proses Majlis Sulh ini sebenarnya mengambil sebahagian daripada kedudukan proses pra perbicaraan dan perbicaraan seperti yang ditetapkan di dalam undang-undang<sup>33</sup>. Sedangkan jika ada apa-apa penyelesaian, maka sebarang penghakiman atas pengakuan atau persetujuan pihak-pihak boleh direkodkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa tanpa adanya proses perbicaraan dijalankan<sup>34</sup>.

### **5.2.2. Pendaftar Menilai Kes bicara Atau Kes Sulh**

Pada dasarnya, Majlis Sulh tidak boleh dijalankan untuk sesuatu permohonan untuk mendapatkan **perceraian** dan **nasab** di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri khususnya di Selangor sebagaimana peruntukan Arahan Amalan JKSM No.3/2002 (Pemakaian Sulh) dan Kaedah 1(2) KTMSsel01 yang menyatakan "**Kaedah-kaedah ini tidak terpakai bagi sesuatu permohonan untuk mendapat perceraian di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 84 [En. 4/84], dan prosiding selanjutnya berkenaan dengannya hendaklah dijalankan mengikut Enakmen itu**"<sup>35</sup>.

Tetapi, bagi kes-kes selain permohonan perceraian, adalah menjadi kebijaksanaan dan kecekapan kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk menentukan sesuatu tuntutan atau

---

<sup>32</sup> S.61 EPAIJ03, S.9 EMSKed93, S.9 EPMSKel82, S.49 EPAIM02, S.61 EPAINS03, S.47 EPUiPhg91, S.61 EPAIPP04, S.50 EPAIPrk04, S.8 EPMSPer91, S.11 EPMST01, S.11 EMSSab04, S.10 OMSSar01 dan S.46 Akta 505

<sup>33</sup> Hal ini mengambil kira dari lima proses asas perjalanan kes Mal seperti yang ditetapkan di dalam undang-undang iaitu i. penentuan bidangkuasa, ii. prosedur pendaftaran, iii. prosedur pra perbicaraan, iv. prosedur perbicaraan, dan v. prosedur selepas perbicaraan.

<sup>34</sup> S.131 ETMSJ03, S.131 ETMSKel02, S.131 ETMSSM02, S.131 ETMSNS03, S.131 ETMSPHg02, S.131 ETMSPP04, S.131 ETMSPrk04, S.128 EPMSPer91, S.131 ETMSsel03, S.131 ETMST01, S.131 ETMSSab04, S.131 OTMSSar01 dan S.131 Akta 585 dengan catatan : S.94 EAMIKed79 (tiada peruntukan khusus tentang penyelesaian kes secara sulh tapi penyelesaian kes secara umum sahaja sebagaimana di negeri lain),

<sup>35</sup> Kaedah 1(2) KTMSJ04, Kaedah 1(3) KTMSM04, Kaedah 2 KTMSPhg05, Kaedah 1(2) KTMSPP06 dan Kaedah 1(3) KTMSWP04

permohonan itu boleh melalui Majlis Sulh atau tidak, sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Kaedah 3 KTMSsel01<sup>36</sup> yang menyatakan :

**Jika selepas menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kuasa tindakan, Pendaftar berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak kepada tindakan itu, Pendaftar hendaklah—**

- (a) tidak menetapkan tarikh perbicaraan tindakan itu dalam tempoh tiga bulan;**
- (b) dengan seberapa segera yang praktik menetapkan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan sulh; dan**
- (c) menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu."**

Justeru itu, antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui Majlis Sulh ini adalah :

- i. Tuntutan atau permohonan menurut Undang-Undang Keluarga Islam seperti :
  - Tuntutan kerana melanggar janji pertunangan
  - Tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu perceraian seperti, Muta'ah, Nafkah 'Iddah, Nafkah Tertunggak, Harta Sepencarian, Hutang Maskahwin, dan lain tuntutan yang difikirkan munasabah
  - Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadanah) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas perceraian
  - Tuntutan Nafkah Anak
  - Permohonan Pelaksanaan Perintah Mahkamah
  - Lain-lain perkara yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar seperti Permohonan Kebenaran Untuk Berpoligami
- ii. Tuntutan dan permohonan selain yang melibatkan Undang-Undang Keluarga Islam yang diperuntukan dalam bidangkuasa asal Mal Mahkamah Syariah seperti yang diperuntukan di bawah Akta / Ordinan / Enakmen Pentadbiran Agama Islam / Mahkamah Syariah Negeri-Negeri seperti penyelesaian Harta Sepencarian si mati yang akan menjadi pusaka si mati oleh waris-waris si mati

### **5.2.3. Notis Sulh Dikeluarkan**

Setelah Pendaftar mengenalpasti kes-kes yang boleh melalui peruntukan Kaedah 3 KTMSsel01<sup>37</sup> Pendaftar hendaklah :

---

<sup>36</sup> Kaedah 3 KTMSJ04, Kaedah 3 KTMSM04, Kaedah 4 KTMSPhg05, Kaedah 3 KTMSPP06 dan Kaedah 3 KTMSWP04

<sup>37</sup> Ibid.

**i. Tidak memberikan tarikh bicara dalam tiga bulan dari tarikh pendaftaran kes**

Ini bertujuan memberikan ruang secukupnya bagi pihak Pegawai Sulh menjalankan Majlis Sulh. Di samping itu juga, seandainya penyelesaian dapat dibuat secepat yang mungkin iaitu kurang dari tempoh tiga bulan tersebut, persetujuan itu boleh dibawa terus ke hadapan Hakim untuk diendorskan sebagai Perintah Penyelesaian Kes.

Begitu juga jika sebaliknya, jika tempoh itu telah cukup tiga bulan dari tarikh yang diberikan tersebut, penyelesaian dirasakan masih boleh dicapai dengan waktu yang lebih lama, maka masa tiga bulan tersebut boleh ditambah tanpa terikat dengan tarikh perbicaraan yang ditentukan. Hal ini sesuai dengan cara penyelesaian Majlis Sulh ini secara berterusan (satu sesi) atau berkala (beberapa sesi).

**ii. Menentukan tarikh sulh**

Walaupun kes tersebut adalah kes sulh, tetapi penetapan tarikhnya adalah terikat dengan Arahan Amalan JKSM No.3/2002 iaitu tarikh Majlis Sulh juga hendaklah diberikan dalam tempoh 21 hari dari tarikh pendaftaran. Ini disebabkan, kedudukan tarikh pertama Majlis Sulh tersebut “dianggap” sebagai tarikh pertama bagi proses "sebutan" kes tersebut.

**iii. Mengeluarkan Notis Sulh bagi memastikan kehadiran pihak-pihak**

Setelah Pendaftar menetapkan tarikh Majlis Sulh, Notis Sulh hendaklah “dikeluarkan” dan “diserahkan” mengikut kaedah serahan saman (Arahan Amalan JKSM 8/2003) mengikut peruntukan penyampaian Saman atau Notis Permohonan di bawah Enakmen Tatacara / Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri masing-masing kepada pihak-pihak bagi memastikan kehadiran pihak-pihak pada tarikh dan waktu tersebut, termasuklah isu Saman Luar Bidangkuasa (SLBK).

**5.2.4. Kehadiran Pihak-Pihak ke Majlis Sulh**

Berdasarkan Kaedah 5(1) KTMSSel01<sup>38</sup>, Majlis Sulh akan dibuat dalam majlis khusus kerana seboleh-bolehnya akan dibuat di dalam ruangan khusus dengan kehadiran pihak-pihak dan pengerusi sahaja. Kini, hampir seluruh bangunan Mahkamah di bawah pentadbiran JAKESS mempunyai ruang

---

<sup>38</sup> Kaedah 5 KTMSJ04, Kaedah 5 KTMSM04, Kaedah 6 KTMSPhg05, Kaedah 5 KTMSPP06 dan Kaedah 5 KTMSWP04

atau Bilik Majlis Sulh sendiri walaupun ada sebahagiannya adalah Bilik Pegawai Sulh sendiri. Begitu juga dengan Meja Sulh yang disediakan berupa sebuah “meja bulat” yang membolehkan pihak-pihak dan Pengerusi duduk dalam keadaan yang lebih selesa dan santai serta tidak terlalu kelihatan formal.

Dengan kedudukan ini juga keadaannya seperti tiada paksaan kepada pihak-pihak untuk menghadap kepada Pengerusi sahaja atau sesama pihak-pihak sahaja seperti meja pejabat biasa yang berbentuk empat segi. Keadaan ini tentunya berbeza dari ruangan dan suasana perbicaraan dengan kehadiran orang awam atau para Peguam Syarie.

Di dalam hal ini juga, pihak-pihak perlu memastikan bahawa Pengerusi Majlis Sulh adalah "Pendaftar" atau mana-mana "pegawai awam" yang ditugaskan sahaja sesuai Kaedah 2 KTMSSel01<sup>39</sup> yang menyatakan : **“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis Sulh yang disebut dalam perenggan 5(1); “Pegawai awam” termasuklah Pendaftar, Pegawai Syariah dan seseorang Pegawai Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3(2) Akta Bantuan Guaman 1971[Akta 261].**

Kaedah 5 KTMSSel01<sup>40</sup>, yang menyatakan :

- (1) Sulh hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua pihak dan dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie bagi maksud itu.**
- (2) Dalam Majlis Sulh, pihak-pihak hendaklah hadir sendiri dan tiada Peguam Syarie boleh hadir bagi sesuatu pihak dan tiada sesuatu pihak boleh diwakili oleh seorang lain tanpa kebenaran Pengerusi.**
- (3) Pengerusi hendaklah di mana-mana mungkin membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian yang menjadi hal perkara sulh tersebut hendaklah memberi peluang untuk didengar, boleh mengambil keterangan daripada pihak-pihak itu, menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan dan boleh, jika difikirkan perlu, menangguhkan Majlis itu dari semasa ke semasa.**

Dapat difahami dari kaedah di atas dan dibaca bersama dengan Kaedah (3) KTMSSel01<sup>41</sup>, hanya pihak-pihak sahaja yang hadir di hadapan Pengerusi tanpa wakil atau Peguam Syariyenya (jika

---

<sup>39</sup> Kaedah 2 KTMSJ04, Kaedah 2 KTMSM04, Kaedah 3 KTMSPhg05, Kaedah 2 KTMSPP06 dan Kaedah 2 KTMSWP04

<sup>40</sup> Kaedah 5 KTMSJ04, Kaedah 5 KTMSM04, Kaedah 6 KTMSPhg05, Kaedah 5 KTMSPP06 dan Kaedah 5 KTMSWP04

<sup>41</sup> Rujuk Nota Kaki No.36 di atas

ada) di dalam Majlis Sulh, kecuali dengan kebenaran Pengerusi. Ini bertujuan untuk memberikan ruang yang lebih luas bagi pihak-pihak untuk berbincang secara bersemuka dan terbuka lagi telus.

Apa yang paling penting adalah perbincangan dan perundingan di antara pihak-pihak akan berjalan “secara terpimpin” atas amanah untuk membantu menyelesaikan pertikaian oleh Pengerusi bagi mengelakkan perbincangan menyimpang jauh daripada isu yang ingin diketengahkan atau dominasi di sebelah pihak sahaja. Dalam menjalankan tugas diperingkat inilah “**Manual Kerja Sulh**” akan dimanfaatkan oleh Pengerusi.

#### **5.2.5. Keputusan Majlis Sulh Berjaya Atau Gagal**

Setelah selesai Majlis Sulh barulah keputusan kes yang melalui Majlis Sulh itu ditetapkan sama ada ianya berakhir dengan pihak-pihak dapat menamatkan Majlis Sulh dengan penyelesaian tuntutan (berjaya) atau sebaliknya (gagal).

Walau bagaimanapun, berjaya atau gagal bukanlah ukuran utama bagi Sulh ini, tetapi ianya kembali kepada matlamat Majlis Sulh iaitu “**mewujudkan satu proses yang adil bagi kedua-dua pihak membuat perundingan, bukan sekadar mencapai atau mewujudkan suatu penyelesaian tertentu**”. Atau dengan kata lain adalah, “**fokus utama Majlis Sulh ialah kepada “perjalanan” proses Sulh itu, bukan semata-mata kepada destinasiya**”.

Ini kerana, pihak-pihak di dalam Majlis Sulh wajib hadir dan faham isi kandungan Majlis Sulh tetapi tidak akan dipaksa membuat keputusan. Bahkan dengan bentuk ibra’ atau mu’awadah serta tolak ansur di antara pihak-pihak, barulah keredhaan dalam penyelesaian boleh dan akan dapat dicapai.

Maka, keadaan-keadaan berikut merupakan tindakan kepada penyelesaian Majlis Sulh :

##### **i. Majlis Sulh Berjaya**

Bagi Majlis Sulh yang berjaya, sebarang persetujuan yang dicapai secara sebahagian atau keseluruhannya akan dibawa ke hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai perintah Mahkamah. Sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Persetujuan (Perjanjian Penyelesaian) dan ditandatangani oleh pihak-pihak di hadapan Pengerusi di dalam Majlis Sulh akan dibawa kepada Hakim untuk direkodkan sebagai Perintah Mahkamah sesuai dengan Kaedah 6 KTMSsel01 dan Seksyen 94 ETMSS03.

Kaedah 6 KTMSsel01<sup>42</sup> menyatakan : **"Jika kedua-dua telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakan kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani dan, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman atau pengakuan atau persetujuan, mengikut mana yang berkenaan di bawah seksyen 88 Enakmen"**<sup>43</sup>.

Sedangkan Seksyen 94 ETMSsel03<sup>44</sup> menyatakan : **"Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-termanya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara res judicata dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matanya adalah sama"**.

## **ii. Majlis Sulh Gagal**

Bagi Majlis Sulh yang gagal, baik keseluruhannya atau sebahagiannya, ia akan dibawa kepada proses sebutan dan perbicaraan kes sebagaimana peraturan perbicaraan kes Mal yang telah ditetapkan di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, sebelum keputusan dan perintah dibuat oleh Hakim Bicara.

Sesuai dengan Kaedah 7 dan Kaedah 8 KTMSsel01 bagi Majlis Sulh yang gagal satu laporan akan dikeluarkan kepada Mahkamah untuk tindakan selanjutnya iaitu proses sebutan dan perbicaraan seperti proses kes-kes bukan sulh yang lain seperti yang terdapat dalam ETMSsel03.

---

<sup>42</sup> Kaedah 6 KTMSJ04, Kaedah 6 KTMSM04, Kaedah 7 KTMSPhg05, Kaedah 6 KTMSPP06 dan Kaedah 6 KTMSWP04

<sup>43</sup> Kaedah 6 KTMSsel01 merujuk kepada Seksyen 88 adalah bagi Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Negeri Selangor) No.7/1991 (EPMSsel91) kerana ETMSsel03 hanya berkuatkuasa mulai 1 September 2003. Dalam masa yang sama, peruntukan Seksyen 88 EPMSsel91 tersebut juga merujuk kepada peruntukan yang sama seperti puntukan Seksyen 94 ETMSsel03 serta tiada pemansuhan penggunaan KTMSsel01 tersebut apabila EPMSsel91 dimansukan melalui Seksyen 248 ETMSsel03 tersebut. Maka KTMSsel01 masih lagi berkuasa hingga kini

<sup>44</sup> S.94 EPAIJ03, S.94 EAMIKed79, S.94 ETMSkel02, S.94 ETMSM02, S.94 ETMSNS03, S.94 ETMSPhg02, S.94 ETMSPP04, S.94 ETMSPrk04, S.95 EPMSPer91, S.94 ETMST01, S.94 ETMSSab04, S.94 OTMSsar01 dan S.94 Akta 585

Kaedah 7 KTMSsel01<sup>45</sup> menyatakan : "**Jika Majlis Sulh itu tidak dapat menyelesaikan pertikaian yang menjadi hal perkara sulh itu dengan memuaskan hati kedua-dua pihak itu, pengerusi hendaklah melaporkan kepada Mahkamah tentang hal sedemikian dan boleh melampirkan kepada laporannya apa-apa nota yang dicatatnya dan membuat apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan tuntutan itu**".

Kaedah 8 KTMSsel01<sup>46</sup> menyatakan : "**Mahkamah yang menerima laporan di bawah seksyen 7 hendaklah menetapkan tarikh pendengaran bagi meneruskan prosiding bagi menyelesaikan kes itu**".

### **5.3. Kos**

Kaedah 9 KTMSsel01<sup>47</sup> menyatakan : "**Tiada apa-apa kos boleh dibenarkan bagi prosiding dalam Majlis Sulh ini**". Ini bererti, tiada apa-apa kos dibenarkan untuk dikenakan oleh Mahkamah sama ada dengan adanya permohonan pihak-pihak atau tidak terhadap apa-apa prosiding sepanjang **Prosedur Kerja Sulh** ini dilaksanakan. Pada pandangan penulis, terdapat beberapa alasan wajar hal ini ditetapkan oleh undang-undang, antaranya :

#### **5.3.1. Kehadiran Pihak-Pihak Atas Kehendak Mahkamah**

Berdasarkan Kaedah 3 KTMSsel01, pihak-pihak pada dasarnya dikehendaki hadir ke Majlis Sulh ini atas kehendak undang-undang dan inisiatif Pendaftar Mahkamah, dan bukan atas permintaan mana-mana pihak untuk satu pihak lain didakwa di Mahkamah sebagaimana prosiding perbicaraan.

#### **5.3.2. Pendekatan Majlis Sulh Secara Sukarela**

Pada dasarnya, sama ada melalui pendekatan Sulh menurut Hukum Syarak mahupun Proses Mediasi, pihak-pihak hadir untuk berbincang dan berunding secara sukarela dan akhirnya berakad secara sukarela juga jika ada penyelesaian terhadap perbalahan yang berlaku. Justeru itu, jika pihak-pihak gagal mencapai sebarang penyelesaian pun, kaedah asal penyelesaian kes melalui proses

---

<sup>45</sup> Kaedah 7 KTMSJ04, Kaedah 7 KTMSM04, Kaedah 8 KTMSPhg05, Kaedah 7 KTMSPP06 dan Kaedah 7 KTMSWP04

<sup>46</sup> Kaedah 8 KTMSJ04, Kaedah 8 KTMSM04, Kaedah 9 KTMSPhg05, Kaedah 8 KTMSPP06 dan Kaedah 8 KTMSWP04

<sup>47</sup> Kaedah 9 KTMSJ04, Kaedah 9 KTMSM04, Kaedah 10 KTMSPhg05, Kaedah 9 KTMSPP06 dan Kaedah 9 KTMSWP04

perbicaraan masih boleh berjalan dan tidak menutup hak mana-mana pihak untuk mendapatkan hak yang dipertikainya itu.

### **5.3.3. Fee Pendaftaran Kes**

Sewaktu Plaintiff mendaftarkan kes di Mahkamah, pihak Mahkamah telahpun mengambil fee pendaftaran kes mengikut Kaedah Fee dan Kos Mahkamah Syariah Negeri masing-masing. Sedangkan, jika penyelesaian tercapai di antara pihak-pihak melalui Majlis Sulh, selain diharap pihak-pihak dapat menyelesaikan perbalahan mereka secara redha antara satu sama lain, ianya juga telah menjimatkan kos dan masa kepada Mahkamah dan pihak-pihak sendiri kerana kes tersebut tidak perlu melalui proses perbicaraan biasa.

Tetapi jika, pihak-pihak gagal mencapai sebarang penyelesaian sekalipun, haknya untuk meneruskan perbicaraan tidak akan hilang kerana kes ini telahpun didaftarkan di Mahkamah.

### **5.4. Manual Kerja Sulh**

Manual Kerja Sulh adalah **"kaedah bagaimana Pegawai Sulh menjalankan perundingan di dalam Majlis Sulh setelah kes diserahkan kepadanya bermula dari kehadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh hinggalah selesai perundingan sama ada berjaya atau gagal untuk tindakan selanjutnya"**.

Terdapat beberapa langkah dalam menjalankan Majlis Sulh sebagaimana berikut, walaupun pada pelaksanaannya ada sebahagian daripada langkah-langkah tersebut boleh digabungkan atau diasingkan atau tidak perlu dibuat mengikut keperluan kes. Langkah-langkah tersebut adalah :

- a. Kenyataan Awal Pegawai Sulh
- b. Pembentangan Awal Pihak Yang Bertikai
- c. Perbincangan Bersama
- d. Pertemuan Sebelah Pihak
- e. Perundingan Bersama
- f. Penghakiman Berasaskan Persetujuan
- g. Kes Diserahkan Kembali

Walaupun di dalam Hukum Syarak memberikan dua kaedah umum sahaja iaitu kaedah Ibra' dan Mu'awadah, dalam pelaksanaannya di dalam Majlis Sulh kaedah tersebut boleh ditambah satu bentuk lain iaitu gabungan kedua-dua kaedah tersebut (Ibra' dan Mu'awadah), iaitu ada pemohon



bersetuju untuk menggugurkan sebahagian atau keseluruhan tuntutan tetapi digantikan atau tidak digantikan dengan perkara yang lain.

Ketiga-tiga bentuk penyelesaian tersebut bertujuan bagi memastikan keredaan dicapai oleh pihak-pihak kerana secara realitinya, di dalam perbincangan di dalam Majlis Sulh amat sukar untuk satu pihak terlalu menurut kehendak pihak yang menuntut dan keadaan sesuatu tuntutan yang diutarakan tidak semestinya sudah jelas kadar dan bentuknya.

Dalam masa yang sama, menjadi peranan Pegawai Sulh untuk memastikan sebarang penyelesaian di antara pihak-pihak tidak akan bertentangan dengan kehendak Undang-Undang termasuklah apa-apa Arahan Amalan yang telah dinyatakan di atas, di samping sebarang kehendak Hukum Syarak juga tidak dilanggar. Ini bertujuan untuk memastikan sebarang Perjanjian Penyelesaian yang akan diendorskan sebagai Penghakiman Persetujuan itu boleh dilaksanakan kemudiannya mengikut undang-undang yang berlaku dan ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

Di antara panduan penting kepada Pegawai Sulh adalah apa-apa yang dinyatakan di dalam Arahan-Arahan Amalan JKSM No.1/2000, No.5/2000, No.3/2002, No.7/2003, No.8/2003, No.11/2005, No.15/2005, No.4/2006 dan No.5/2006 sebagaimana yang dijelaskan di perkara 3 di atas.

## **6. CABARAN DAN ISU**

Pada Januari 2005, penulis telah melontar beberapa pandangan berkaitan cabaran dalam pelaksanaan Majlis Sulh di JAKESS yang meliputi tiga aspek iaitu pentadbiran, perundangan dan pihak-pihak yang dikendalikan<sup>48</sup>. Daripada beberapa isu dan cadangan yang telah dikemukakan oleh penulis terdapat beberapa isu yang telah dipandang serius oleh pihak-pihak berkaitan seperti dalam isu antaranya :

- i. Kedudukan istilah “Pegawai Agama” di dalam Jawatankuasa Pendamai sebagaimana peruntukan Seksyen 47(5) EUKISel03 telah diberikan penjelasan melalui Arahan Amalan No.2 Tahun 2005 yang menjelaskan istilah “Pegawai Agama adalah mana-mana Penjawat Awam di bawah Skim Pegawai Hal Ehwal Islam atau pegawai yang setaraf dengannya yang bertugas di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri / Pejabat Agama Islam Daerah / lain-lain Jabatan yang berkaitan”.

---

<sup>48</sup> Tuan Drs. Atras bin Mohamad Zin, *Amalan dan Permasalahan Sulh di Mahkamah Syariah Selangor*, Kertas Kerja di Seminar Isu Mahkamah Syariah VII “Penyelesaian Konflik Keluarga di Mahkamah Syariah : Peranan Sulh dan Keberkesanannya”, pada 29 Januari 2005, Mahkamah Mut, Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM Gombak, hlm. 10 – 18.

- ii. Cadangan agar kursus asas sulh diperkenalkan dalam Kuliah Undang-Undang mahupun Syariah serta Diploma-Diploma berkaitan telahpun diterima kini.
- iii. Cadangan agar Pegawai-Pegawai Sulh yang dilantik secara kontrak di beberapa buah negeri untuk diserap atau ditawarkan ke jawatan tetap perkhidmatan awam telahpun diterima kini. Hanya masih terdapat seorang sahaja Pegawai Sulh kontrak di JAKESS kini.
- iv. Sebahagian besar Pegawai Sulh yang pernah mengikuti Kursus Mediasi anjuran JKSM dan Accord Group mahupun Kursus Sulh Asas yang dianjurkan oleh JKSm mahupun pihak jabatan masing-masing, pada asasnya amat memahami kepentingan proses Kenyataan Awal Pegawai Sulh atau al-Ta'aruf sebagai titik tolak pemahaman "pelanggan" terhadap Majlis Sulh yang berbeza dari proses Rundingcara (Kaunseling) di Pejabat Agama.

Walaupun begitu, bagi penulis, masih terdapat beberapa isu yang perlu diketengahkan lagi sebagai peringatan semua sama ada untuk penyelarasan pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, antaranya :

### **6.1. Isu Perundangan**

#### **i. Majlis Sulh Bagi Kes-Kes Pembubaran Perkahwinan<sup>49</sup>**

Sebagaimana yang dibahas di perkara 5.2.2. di atas bahawa Majlis Sulh tidak boleh dijalankan untuk sesuatu permohonan untuk mendapatkan **perceraian** dan **nasab** di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri khususnya di Selangor sebagaimana peruntukan Arahan Amalan JKSM No.3/2002 (Pemakaian Sulh) dan Kaedah 1(2) KTMSSel01.

Penulis mencadangkan pindaan terhadap Arahan Amalan No.3/2002 tersebut dengan ayat : **"Bagi maksud pemakaian sistem Sulh ini, pada dasarnya tidak terpakai ke atas kes-kes Pembubaran Perkahwinan dan Nasab kecuali dengan perintah Hakim Bicara dari masa ke semasa"**.

Ini disebabkan, penulis tetap berpendapat, dalam kes induk pembubaran perkahwinan seperti 47 (Permohonan Cerai), Seksyen 57 (Pengesahan Perceraian), Seksyen 49 (Tebus Talaq), Seksyen 50

---

<sup>49</sup> Hal yang hampir sama bagi Permohonan Kebenaran Berpoligami

(Ta'liq) atau Seksyen 53 (Fasakh) EUKISel03 adalah wajar untuk pihak-pihak menghadiri Majlis Sulh tetapi hendaklah secara ketat atas alasan ;

- a. Kaedah 3 KTMSsel01 telah memberi ruang kepada Pendaftar untuk menentukan sesuatu kes itu boleh melalui Majlis Sulh atau tidak
- b. Seksyen 99 ETMSsel03 yang menggalakkan pihak-pihak bertikai untuk menyelesaikan kes secara sulh
- c. Arahan Amalan No.5 Tahun 2000 yang jelas menyatakan **“Kes-kes yang diselesaikan secara sulh hanya dikira sebagai satu kes sahaja mengikut fail induk yang didaftarkan”**
- d. Seksyen 15 ETMSsel03 menyatakan : **“Walau apa pun apa-apa jua dalam Bahagian ini, suatu permohonan mendapatkan perceraian hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen 2/2003] dan prosiding selanjutnya berkenaan dengannya hendaklah dijalankan mengikut Enakmen itu”**.
- e. Seksyen 47(1)(f) EUKISel03 menyatakan : **Seseorang suami atau seseorang isteri yang hendak bercerai hendaklah menyerahkan suatu permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan, disertai dengan suatu akuan berkanun yang mengandungi – (f) syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah dan tempat kediaman bagi isteri dan anak-anak dari perkahwinan itu, jika ada, peruntukan bagi pemeliharaan dan penjagaan anak-anak dari perkahwinan itu, jika ada, dan pembahagian apa-apa aset yang diperolehi melalui usaha bersama pihak-pihak itu, jika ada, atau, ...”**.
- f. Bagi kes Seksyen-Seksyen 47 dan 57 EUKISel03, pihak-pihak perlu memahami bahawa :
  - sulh akan dilaksanakan bagi pasangan yang telah membuat keputusan untuk bercerai secara persetujuan bersama sahaja atau pasangan tidak berhasrat rujuk atau berkahwin semula jika Hakim mensabitkan perceraian sahaja
  - perbincangan di Majlis Sulh hanya melibatkan isu hak-hak semasa dan selepas perceraian sahaja bukannya tentang perceraian itu sendiri
  - hak-hak yang dipersetujui bukannya bersifat mutlak untuk dijadikan Perintah Mahkamah, tetapi bergantung kepada kebenaran Hakim untuk lafaz cerai dibuat atau Hakim mensabitkan perceraian untuk memastikan wujud hak terlebih dahulu, sebelum hak tersebut boleh diperintahkan oleh Mahkamah.
- g. Bagi kes Seksyen-Seksyen 50, 53 dan 49 EUKISel03 pula, pihak-pihak perlu memahami bahawa :
  - perbincangan dan perundingan sulh dijalankan atas asas adanya perbalahan yang nyata antara pihak-pihak untuk pihak-pihak cuba mencari penyelesaian bersama
  - hasil perundingan yang dijalankan adalah pihak-pihak berjaya atau tidak
  - dalam kes tebus talaq, jumlah iwad yang dipersetujui akan memudahkan Hakim
- h. menjimatkan kos dan masa pihak-pihak jika satu kes dapat menyelesaikan beberapa kes yang lain

- i. penyelesaian kes mungkin dengan cara adanya pindaan kepada perceraian di bawah Seksyen 47 EUKISel03 atau kes ditarik semula bersama ada perintah sampingan seperti nafkah isteri, nafkah anak dan lain-lain yang menjadi isu sebenar perbalahan kerana berdasarkan pengalaman penulis, punca ingin bercerai sebenarnya mungkin kerana masalah nafkah isteri atau anak dan lain-lain hak yang telah diabaikan oleh si suami atau isteri.
- j. Majlis Sulh boleh dijalankan sebelum atau selepas kes induk dibicarakan oleh Hakim, tetapi amat digalakkan untuk dijalankan Majlis Sulh melalui Perintah Mahkamah terlebih dahulu, setelah Mahkamah telah membenarkan suami melafazkan cerai (Seksyen 47) atau Mahkamah berpuashati sabit perceraian (Seksyen 57) sebelum kes induk dibacakan keputusan atau penghakimannya

## **ii. Kaedah Penyerahan Notis Sulh dan Ketidakhadiran Pihak-Pihak Ke Majlis Sulh**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Amalan No.8/2003, bahawa penyampaian Notis Sulh hendaklah mengikut prosedur penyerahan Saman dalam undang-undang. Seterusnya jika penyampain Notis Sulh telah sempurna dan ada pihak yang tidak hadir tanpa sebab munasabah boleh dikenakan tindakan Menghina Mahkamah sebagaimana Kaedah 3(c) KTMSSel01.

Berdasarkan realiti keadaan yang berlaku, adalah menjadi beban kepada Mahkamah untuk memastikan Notis Sulh diterima oleh pihak-pihak melalui proses penyampaian kediri sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang<sup>50</sup>. Ini disebabkan ada permohonan Saman Luar Bidangkuasa (SLBK) jika berkaitan dan kemudiannya pegawai Mahkamah perlu memastikan Notis diterima oleh kedua-dua belah pihak Plaintiff dan Defendan berdasarkan Afidavit Penyampaian, berbeza dengan Saman biasa yang wajib menerimanya hanyalah Defendan. Dalam masa yang sama pembacaan teks undang-undang dibaca secara ketat.

Hal ini wajar dikekalkan jika ada mana-mana pihak termasuk Mahkamah yang berhasrat mengenakan tindakan Menghina Mahkamah tersebut kerana berat beban bukti bahawa pihak-pihak telah menerima Notis Sulh tersebut.

Tetapi, penulis berpendapat, pembacaan teks undang-undang tersebut jika dibaca secara lebih longgar sesuai dengan hasrat Majlis Sulh yang sekarela dan tiada kos yang boleh dikenakan sebagaimana yang dibahas di perkara 5.3. di atas, sewajarnya kaedah penyampaian Notis Sulh tersebut hanya dibuat secara pos di alamat pihak-pihak yang masih boleh dianggap sempurna mengikut kaedah penyampain Saman mengikut undang-undang. Hal ini sebagaimana yang diperuntukan dalam

---

<sup>50</sup> Seksyen-Seksyen 41, 42, 43 dan 49 ETMSSel03

Seksyen 44<sup>51</sup> ETMSSel03 dan Seksyen 16<sup>52</sup> Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) No.7/2003 (EKMSsel03).

Maka, apabila Notis Sulh telah dijanakan dan diposkan dialamat pihak-pihak selain yang diserahkan di kaunter Mahkamah, maka apabila tiada dikembalikan melalui Pejabat Surat Tak Sampai, secara qarinah Notis Sulh telah sampai di alamat. Maka ini memudahkan tugas pegawai Mahkamah dan jika pihak-pihak tidak hadir kedua-duanya atau salah seorang daripadanya, ianya tidak perlu difikir untuk tindakan Menghina Mahkamah perlu diambil atau tidak dan ianya juga adalah qarinah bahawa di peringkat tersebut pihak-pihak tidak mahu hadir ke Majlis Sulh, dan kes boleh diteruskan dengan prosiding seterusnya.

### **iii. Cadangan pindaan istilah “Pegawai Agama” dalam Seksyen 47(5) EUKISel03**

Merujuk kepada cadangan terdahulu, penulis mencadangkan agar peruntukan Seksyen 47(5) EUKISel03 dipinda perkataan “Pegawai Agama” dengan perkataan “Pegawai Sulh” atas alasan :

- a. Pihak-pihak tidak perlu lagi pergi ke Pejabat Agama jika Pegawai Sulh bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendamai
- b. Pihak-pihak ada yang mempertikaikan apabila kes dirujuk semula ke Pejabat Agama seolah-olah kaunseling akan berjalan semula
- c. Tidak akan timbul isu prijudis walaupun dipengerusikan oleh Pegawai Sulh kerana Pegawai Sulh yang terlatih tahu kenapa dan apa yang perlu dilakukan dalam Jawatankuasa Pendamai tersebut.
- d. Pegawai Sulh adalah pegawai Mahkamah, maka mudah untuk menyusun jadual Jawatankuasa Pendamai berbanding di Pejabat Agama.
- e. Berdasarkan pengalaman penulis dan maklumat secara lisan yang diterima, syor yang dikemukakan dari hasil Jawatankuasa Pendamai ini biasanya tidak jelas cara penyelesaiannya dan sememangnya tidak membantu Hakim untuk membuat perintah kerana jelas hanya bersifat tawaran-tawaran sahaja dari pihak-pihak dan bukannya penyelesaian sebagaimana yang terkandung di dalam Perjanjian Penyelesaian Sulh
- f. Sesuai dengan cadangan dari Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Sulh Di Mahkamah Syariah tahun 1996 di atas

---

<sup>51</sup> menyatakan : Sesuatu saman atau dokumen lain yang diserahkan di alamat bagi penyampaian mana-mana orang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu.

<sup>52</sup> menyatakan : Apabila terdapat soal sama ada suatu perbuatan tertentu telah dilakukan, kewujudan apa-apa perjalanan urusan, yang menurut kelazimannya perbuatan itu pasti telah dilakukan, ialah *qarinah*.

**vi. Penyelarasan Bentuk dan Isi Kandungan Draf atau Perjanjian Penyelesaian Majlis Sulh**

Apa yang dilakukan oleh Pegawai Sulh di JAKESS, terdapat satu jawatankuasa teknikal yang membuat garis panduan bentuk dan isi kandungan Draf atau Perjanjian Penyelesaian dari Majlis Sulh yang telah dibawa ke Mesyuarat Pegawai Sulh untuk memastikan setiap penyelesaian kes menepati kehendak undang-undang dan Hukum Syarak.

Hal ini amat penting dititik beratkan kepada Pegawai-Pegawai Sulh agar keselarasan isu yang dikemukakan dalam Perjanjian Penyelesaian dan kehendak undang-undang di samping Hukum Syarak dipatuhi agar ianya kelihatan seperti dibuat oleh Peguam atau Pengamal Undang-Undang yang profesional.

Justeru itu, penulis mencadangkan agar setiap dari Perjanjian Penyelesaian Majlis Sulh mesti:

- a. Menggunakan format yang sama dari aspek tajuk, isi dan penutupnya
- b. Setiap isu atau perkara yang dipersetujui ada dinyatakan secara jelas perkaranya, apa bentuk penyelesaiannya dan bagaimana ianya akan dilaksanakan

Dalam masa yang sama, Pegawai Sulh diharapkan tidak menjadi Pegawai Sulh “syok sendiri” apabila tidak bersetuju dengan Hakim Bicara yang akan mengendorkan persetujuan tersebut, jika Hakim menolak atau mengarahkan Pegawai Sulh membuat semula Draf Perjanjian sedangkan pihak-pihak telah pun bersetuju disebabkan ketidaktepatan undang-undang mahupun Hukum Syarak dari sudut pandang Hakim tersebut.

Maka, menjadi tanggungjawab kepada Pegawai Sulh yang mudah berpuashati apabila pihak-pihak bersetuju, tetapi perlu juga memastikan adakah Perjanjian Penyelesaian memenuhi “selera” Hakim Bicara yang boleh dianggap sebagai lebih “Arif” dari Pegawai Sulh. Begitu juga Pegawai Sulh hendaklah selalu cuba membuat penambahbaikan hasil Sulh dan Perjanjian Penyelesaian yang telah dibuatnya dengan “membaca pemikiran” Hakim Bicara melalui proses perbincangan dengan Hakim tersebut atau merujuk semula kepada Pendaftar, apakah ada apa-apa pindaan terhadap format, bentuk ayat mahupun isi kandungan Perjanjian Penyelesaian dalam Penghakiman Persetujuan yang dikeluarkan oleh Mahkamah kemudiannya.

## 6.2. Isu Pentadbiran

### i. Kemahiran Pegawai Sulh

Terdapat perbezaan pandangan di kalangan Pegawai Syariah apabila tugas Pegawai Sulh merupakan salah satu tugas yang boleh dirutinkan selain Pendaftar, Peguam Syarie BBG, Pendakwa Syarie, Penasihat Syariah, Pegawai Penyelidik, Hakim dan lain-lain jawatan. Apa yang menjadi topik perbincangan adalah adakah wajar seseorang baru dilantik terus diletakkan sebagai Pegawai Sulh atau perlu menjalani tugas-tugas lain terlebih dahulu.

Ini disebabkan, tanggungjawab seorang Pegawai Sulh adalah untuk membimbing pihak-pihak bertikai untuk mencari penyelesaian dan dalam masa yang sama penyelesaian tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan Undang-Undang dan Hukum Syarak untuk membolehkan sebarang persetujuan yang dijadikan Perintah Mahkamah boleh dikuatkuasakan kemudiannya.

Penulis berpendapat, apa pun tugas permulaan yang diberikan kepada seorang Pegawai Syariah khususnya sebagai Pegawai Sulh adalah wajar-wajar sahaja, tetapi jika sebelumnya Pegawai Sulh tersebut pernah bertindak sebagai Pendaftar, Peguam Syarie atau Hakim, pastinya ianya lebih berkesan kerana kemahiran yang ada dalam pengendalian kes-kes Mal akan dapat membantunya sewaktu menjalankan Majlis Sulh.

Apa yang penting, perlu ada kemahiran asas bagi seorang Pegawai Sulh dalam memahami intipati dari setiap kes yang dikendalikan termasuklah pemahaman asas pliding, apakah punca hak yang dituntut itu timbul (*locus standi*) dan apakah bentuk asas penyelesaian yang sesuai dengan Undang-Undang dan Hukum Syarak, serta cara berfikir Hakim Bicara yang akan mengendorskan Perjanjian Penyelesaiannya.

Justeru itu, penulis mencadangkan agar, jika ada di setiap Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Mesyuarat Pegawai Sulh, digalakkan pembentangan Kertas Kerja mengikut tajuk-tajuk kes Mal yang boleh melalui Majlis Sulh dan diambil kesimpulan ringkas apakah isi kandungan yang menjadi asas hak dan bentuk keputusan-keputusan Hakim terdahulu, agar sewaktu mengendalikan Majlis Sulh, Pegawai Sulh akan dapat mengawal dan memimpin dengan baik hala tuju perbincangan dan perundingan pihak-pihak, bukannya hanya mengikut kehendak pihak-pihak semata-mata.

Contohnya, dalam Tuntutan Muta'ah, pihak bekas suami seringkali menggunakan isu nusyuz isteri sebagai asas untuk tidak bersetuju dengan tuntutan itu, sedangkan syarat-syarat lain telah

dipenuhi oleh bekas isteri. Maka, pihak Pegawai Sulh boleh menggunakan pendekatan “mencipta keraguan” bukannya memberikan pandangan kepada bekas suami untuk berfikir semula dengan pendiriannya sendiri wajar atau tidak alasan nusyuz itu terus digunakan olehnya yang boleh diaplikasikan di peringkat “kaukus” atau kalau mungkin di peringkat “perbincangan bersama”.

Disamping itu, penulis mencadangkan juga agar setiap Pegawai Sulh diberikan Kursus Asas Sulh dalam memahami Prosedur dan Manual Kerja Sulh yang terkait dengan tugas harian serta jika memungkinkan juga mengikuti Kursus Mediasi dan Abitasi agar Pegawai Sulh lebih memahami perbezaan Sulh dalam Hukum Syarak dengan prinsip Mediasi dan Abitasi umum.

## **ii. Penyelarasan Penggunaan Fail, Kod dan Format Statistik Sulh**

Memandangkan JKSM telah diterima secara langsung tidak sebagai Penyelarasan Pengurusan dan Pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia, maka adalah amat perlu satu arahan melalui apa-apa pekeliling ataupun Arahan Amalan tentang pentadbiran Majlis Sulh agar ianya seragam. Ini disebabkan, walaupun telah ada beberapa Arahan Amalan tentang pelaksanaan Sulh tetapi ternyata masih terdapat beberapa perkara yang difikirkan oleh penulis perlu dipandukan secara jelas.

Penulis mencadangkan penyusunan semula Arahan-Arahan Amalan tentang Sulh menjadi **satu Arahan Amalan yang lengkap** tentang Majlis Sulh untuk digunapakai di semua Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, berkaitan ;

- a. Kaedah-Kaedah dan Prinsip Asas dalam pelaksanaan Sulh mengikut Undang-Undang dan Hukum Syarak
- b. Prosedur Kerja Majlis Sulh
- c. Manual Kerja Majlis Sulh
- d. Kod Etika Pegawai Sulh
- e. Bentuk dan Isi Kandungan Statistik Kes Sulh yang perlu dilaporkan di peringkat Mahkamah, Negeri dan Kebangsaan
- f. Apa-apa Kod bagi kes yang melalui Majlis Sulh di dalam sistem statistik kes Mal

Penulis mencadangkan sedemikian kerana, Kod Etika dan Manual Kerja bagi Pegawai Sulh Mahkamah-Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia yang dikeluarkan oleh JKSM dan telah diluluskan pada 17 Julai 2002 tetapi hingga kini belum dikuatkuasakan. Begitu juga masih terdapat lapan buah Negeri yang masih belum meluluskan melulus dan menguatkuasakan apa-apa Draf Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) dan masih terdapat sebuah sebuah Negeri yang belum menguatkuasakannya.



## 7. KESIMPULAN

Dari pembahasan di atas, dapat difahami bahawa proses perkembangan pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah di satu sisi telahpun menampakkan kejayaan dan mencapai matlamat apabila ianya mampu dilaksanakan dengan keupayaan yang ada. Tetapi di satu sisi yang lain, usaha-usaha untuk menyelaraskan perkara-perkara berkaitan masih ada kelemahan di samping kemahiran seluruh warga kerja Mahkamah untuk memahami prinsip, prosedur kerja dan manual kerja Majlis Sulh masih perlu dipertingkatkan.

Di peringkat ini, walaupun telah hampir lapan tahun Majlis Sulh dilaksanakan di JAKESS dan seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia, cabaran mendatang perlu terus dihadapi demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan khususnya dan masyarakat secara umumnya.

Tidak ketinggalan, peranan yang dimainkan oleh semua pihak termasuk pentadbiran jabatan, warga kerja, kerajaan dan masyarakat amatlah dihargai ke arah mencapai misi Mahkamah Syariah untuk “Menjadi Institusi Kehamian Islam Yang Berwibawa” boleh dicapai satu hari nanti melalui prosduk sulh yang unggul.